



## *infrastructure*

*Infrastructure expansion focussed on enhancing our facilities and the expansion of the network of regional distribution centres, as well as increase in investments in our information technology, reflects our confidence in the growth potential of Malaysia.*

## perutusan pengerusi

(laporan tahunan 2004)

### P a r a p e m e g a n g s a h a m s e k a l i a n

Walau diukur dari sudut mana sekalipun, 2004 merupakan satu tahun cemerlang buat Amway. Setelah mencapai pertumbuhan mencatat rekod pada tahun kewangan lepas, saya berasa gembira untuk memaklumkan bahawa berikutan kejayaan itu, Amway mampu mengakhiri Tahun Fiskal 2004 dengan satu lagi pencapaian tinggi yang mencatat rekod baru. Ini merupakan satu pencapaian membanggakan kerana ia menggambarkan kehebatan daya tahan Amway yang telah melalui pertumbuhan cemerlang sepanjang 25 tahun sejak ia bertapak di Malaysia 28 tahun lepas. Dengan pencapaian menggalakkan yang dirangsang oleh kemantapan pertumbuhan ekonomi negara walaupun berlaku beberapa peristiwa penting peringkat dunia yang mengancam pemulihan pasaran global sepenuhnya dan peningkatan keyakinan pengguna domestik, para Pengedar dapat menjalankan perniagaan mereka dalam suasana yang menggalakkan. Sebagai penjana kepada pertumbuhan Syarikat anda yang beroperasi dalam persekitaran yang semakin bersaing, para Pengedar Amway kini semakin bersemangat dan bertekad untuk membina perniagaan Amway. Saya ingin mengulangi pengakuan saya bahawa pencapaian para Pengedar Amway mencetuskan kebanggaan dan penghargaan yang tidak ternilai.

Syarikat anda yang memanfaatkan perkongsian erat yang wujud dengan para Pengedar telah melaksanakan beberapa inisiatif penting pada tahun ini untuk mengembangkan bahagian pasarnya dan memberi insentif kepada produktiviti Pengedar. Strategi Syarikat anda adalah untuk melabur dalam inisiatif-inisiatif strategik yang menjadi asas kepada pertumbuhan masa depan. Inisiatif-inisiatif tersebut termasuk memperkenalkan produk dan promosi baru secara agresif, meningkatkan Program Insentif Jualan (SIP) untuk mendorong dan memberi ganjaran kepada Pengedar serta meningkatkan tahap perkhidmatan kami kepada Pengedar melalui pembesaran infrastruktur kami, mewujudkan lebih banyak kesedaran tentang jenama produk kami dan membentuk budaya berorientasikan perkhidmatan di kalangan kakitangan kami.

### KEPUTUSAN

Inisiatif-inisiatif yang diusahakan ini menghasilkan pertumbuhan di kebanyakan bidang dalam perniagaan. Terdapat peningkatan

dalam bilangan Pengedar yang memperbaharui semula keahlian mereka dan produktiviti Pengedar meningkat dengan ketaranya. Di samping itu, bilangan mereka yang layak untuk menerima SIP dan menyertai Seminar Kepimpinan Amway bertempat di Tokyo telah bertambah daripada tahun sebelumnya. Keseluruhannya, terdapat peningkatan keseluruhan dalam Tenaga Pengedar Teras sehingga mencecah angka 161,000. Kesemua faktor ini menyumbang kepada hasil jualan tertinggi yang pernah dicapai dalam sejarah Syarikat anda iaitu berjumlah RM456.4 juta pada tahun ini, meningkat sebanyak 8% berbanding Tahun Fiskal 2003. Malah, kami berasa terdorong dengan pertambahan bilangan permohonan bagi empat bulan akhir Tahun Fiskal 2004 yang kami harapkan dapat membawa kepada satu aliran peningkatan untuk tahun fiskal baru. Walau bagaimanapun, pelaburan tersebut menelan kos dan perbelanjaan operasi kami terpaksa menanggung kos membiayai inisiatif yang dijalankan pada tahun ini untuk merangsang pertumbuhan bagi tahun akan datang. Berikutan jangkaan kenaikan dalam

perbelanjaan operasi diikuti kenaikan dalam kos barangan yang dibeli daripada pembekal utama kami, keuntungan sebelum cukai merosot sedikit sebanyak 2% kepada RM72.4 juta berbanding tahun lepas. Bagi meletakkannya dalam perspektif yang betul, pengurangan dalam keuntungan sebelum cukai akibat pelaburan ini boleh diumpamakan seperti kesan suntikan inokulasi. Pelaburan ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan Syarikat anda, malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan akan datang.

Justeru, pada tahun yang ditinjau, saya berasa gembira untuk mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah anda mengesyorkan dividen interim suku tahunan keempat sebanyak 7.5 sen sesaham, yang menghasilkan jumlah dividen kasar sebanyak 50 sen untuk sepanjang tahun, termasuk dividen khas sebanyak 20 sen yang diumumkan pada suku tahun ketiga. Ini membawa kepada jumlah pembayaran sebanyak RM59,179,000 selepas cukai.

## OPERASI

Pada tahun ini, Syarikat anda menjalankan usaha bersepadu dan terperinci untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju daripada ancaman persaingan yang kian bertambah. Memandangkan terdapat lebih daripada 480 lesen jualan langsung dikeluarkan di negara ini, keperluan untuk mempertahankan bahagian pasaran kami menjadi kritikal dalam menghadapi persaingan tersebut. Bagi mengukuhkan kehadiran kami dan memudahkan Pengedar dan pelanggan memperoleh produk kami, Syarikat anda telah memperluaskan liputan geografinya dengan membuka sebuah Pusat Pengedaran Daerah (RDC) di Sibu dan di Melaka. Suasana perniagaan turut dirangsang melalui pengenalan 18 produk baru, meliputi semakan semula yang dibuat keatas produk pada tahun ini. ARTISTRY™, rangkaian produk kosmetik dan penjagaan kulit

Amway, menjadi salah satu paparan utama pemasaran pada tahun ini dengan pelancaran ARTISTRY TIME DEFIANCE™ Intensive Repair Serum (IRS), produk anti penuaan yang mengandungi teknologi baru terkini yang menjamin pemulihan imej penuaan dalam masa 14 malam. Bersama-sama NUTRILITE™, rangkaian pemakanan tambahan Amway, jualan daripada jenama yang berpengaruh ini menyumbang dengan ketara kepada jualan keseluruhan. Ini merupakan petanda baik untuk Syarikat anda kerana strategi jangka panjang kami ialah untuk memfokuskan kepada perniagaan kecantikan dan kesihatan.

Bagi membantu menyokong pertumbuhan dalam volum perniagaan, Syarikat anda menaiktaraf infrastruktur IT dan meningkatkan kualiti laman web Amway2u.com, termasuk mendapatkan perkhidmatan Maybank dan Public Bank yang membolehkan Pengedar yang memiliki akaun di kedua-dua bank ini membuat bayaran secara online untuk pembelian produk AMWAY. Ini bermakna para Pengedar boleh menjalankan perniagaan mereka pada bila-bila masa, selagi mereka memiliki akses kepada internet. Kejayaan Amway2u.com sekali lagi dapat dijadikan contoh. Apabila kami melancarkan laman web pada Julai 2001, kami tidak pasti sama ada pelanggan akan menggunakannya, apatah lagi menggunakan teknologi internet untuk menjalankan urusaniaga mereka. Tiga tahun kemudian, keputusan menunjukkan Pengedar bertambah yakin untuk menggunakannya bagi membuat pesanan mereka dan pembayaran secara online, menyebabkan mereka dapat menggunakan masa mereka secara begitu produktif. Bagi Tahun Fiskal 2004, nilai pesanan yang dibuat melalui Amway2u.com merangkumi 50% daripada jualan tahunan negara ini, satu peningkatan berbanding 29% pada Tahun Fiskal 2003. Ini memberi isyarat positif bahawa perniagaan kami mengikuti arus perkembangan semasa.

## perutusan pengerusi

(laporan tahunan 2004)

Tahun ini juga menyaksikan langkah penting diambil oleh Syarikat anda untuk membeli dua bidang tanah berhampiran Ibu Pejabat kami yang sedia ada di Petaling Jaya. Lembaga Pengarah anda merasakan pelaburan ini perlu kerana kemudahan sedia ada telah digunakan sepenuhnya. Melalui pembinaan sebuah Ibu Pejabat baru dengan kemudahan yang lebih luas, kami akan berada di kedudukan yang lebih baik untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti tinggi kepada Pendedar serta dapat menampung jangkaan pertumbuhan dalam perniagaan kami. Sementara itu, pengubahsuaian yang dijalankan kepada Ibu Pejabat sedia ada telah membantu mengurangkan kesesakan dan mempercepatkan proses memesan dan mengambil produk dalam suasana yang lebih selesa.

### ANUGERAH DAN PENGHARGAAN

Reputasi amat berharga dalam industri jualan langsung. Ini merupakan salah satu kriteria penting yang menarik Pendedar dan pelanggan untuk menjalankan perniagaan ini. Maka, Syarikat anda sentiasa berpegang kepada tahap piawaian etika, pematuhan dan ketelusan tertinggi sejajar dengan asas falsafah Amway. Pada tahun 2004, kami terus menerima pengiktirafan sebagai syarikat perintis yang komited terhadap tadbir urus korporat. FinanceAsia, majalah kewangan serantau, meletakkan Amway di tempat ke-8 dalam dua kategori iaitu: Pengurusan Syarikat Terbaik dan Tadbir Urus Korporat Terbaik. Ini sememangnya satu penghormatan buat Amway kerana ia berdasarkan undian daripada 400 pengurus dana dan penganalisis daripada institusi kewangan serta syarikat pengurusan dana luar negeri dan tempatan yang memilih Amway daripada sejumlah lebih daripada seribu syarikat senarai awam di Malaysia.

Syarikat anda turut menjadi peserta akhir di bawah kategori Perdagangan dan Perkhidmatan di Anugerah Korporat BSKL 2003 yang diadakan awal tahun ini. Bursa Saham Kuala Lumpur memperkenalkan anugerah ini sebagai mengiktiraf komitmen berterusan syarikat senarai awam Malaysia dalam meningkatkan tatalaku korporat dan amalan tadbir urus korporat mereka.

Amway juga menduduki tempat ke-5 daripada 75 syarikat di Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge Tahun 2003, satu anugerah yang mengiktiraf syarikat yang memberi nilai terbaik kepada pemegang saham mereka. Amway turut menduduki tempat ketiga bagi anugerah yang sama di bawah sektor Pasaran Pengguna.

### TADBIR URUS KORPORAT

Syarikat anda beroleh manfaat daripada sikap dedikasi Lembaga Pengarah anda yang menunjukkan komitmen mereka melalui sokongan dan kehadiran mereka secara konsisten di mesyuarat-mesyuarat Lembaga. Sebagai ahli pelbagai Jawatankuasa Kecil, mereka memberi panduan yang tidak ternilai bagi memastikan Syarikat anda mengamalkan tahap tertinggi kebertanggungjawaban dan tanggungjawab kepada pemegang saham. Para Pengarah juga telah menyertai program-program profesional mandatori yang ditetapkan oleh pihak penguatkuasa peraturan untuk memastikan Syarikat anda mematuhi Keperluan Penyenaraian di setiap masa.

### TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Selepas 28 tahun menyumbang kepada masyarakat, warisan budaya Amway diteruskan dengan fokus baru terhadap kanak-kanak, terutamanya melalui memupuk kesihatan mental positif. Ini merupakan inisiatif baru yang memperlihatkan komitmen jangka panjang kami

terhadap membantu kanak-kanak meningkatkan jati diri dan keyakinan mereka melalui siri bengkel kanak-kanak bertemakan “Minda Sihat dan Ceria”. Melalui perancangan dan konsep yang dilaksanakan, kempen “One By One” akan menjadi penggerak utama bagi platform tanggungjawab sosial korporat Syarikat dan satu pelancaran rasmi yang dijadualkan pada tahun kewangan baru ini akan secara rasminya memulakan komitmen Syarikat kepada kanak-kanak, seorang demi seorang.

#### PANDANGAN

Pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2005 dijangka tumbuh pada kadar lebih perlahan berbanding tahun 2004 di sebalik harga minyak yang tinggi, kadar faedah yang meningkat dan pertumbuhan ekonomi China yang dijangka sederhana. Untuk menangani keadaan tersebut, Syarikat anda akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan pada Tahun Fiskal 2004 dengan matlamat untuk menyokong pertumbuhan jualan. Inisiatif ini merupakan pelaburan yang menelan kos tetapi Syarikat anda bersedia melaksanakannya demi mempertahankan bahagian pasaran kita serta menyokong Pengedar dalam usaha perniagaan dan penajaan mereka. Melalui pembangunan infrastruktur yang lebih baik, menambah ciri-ciri baru kepada Amway2u.com, membentuk penampilan yang lebih baik untuk jenama penting dan mewujudkan kehadirannya yang lebih besar secara fizikal, Syarikat anda berharap dapat menyediakan lebih banyak kelebihan kepada Pengedar untuk membantu mereka bersaing dalam suasana yang amat bersaing. Sementara margin operasi kami terus ditekan oleh perbelanjaan operasi yang lebih tinggi akibat keperluan strategik ini, kami mengakui bahawa kesemua ini merupakan pemangkin yang diperlukan untuk pertumbuhan jangka panjang.

#### PENGHARGAAN

Tahun ini, terdapat tiga wajah baru dalam Lembaga Pengarah kita. Mereka yang merupakan profesional dari pelbagai latarbelakang dan kaya dengan pengalaman mengikut bidang kepakaran masing-masing akan melengkapi fungsi ahli Lembaga Pengarah lain. Sertai saya dalam mengalu-alukan kehadiran Encik Scott Balfour, Encik Abdul Wahab Bin Nasir @ Mohd Nasir dan Encik Yee Kee Bing.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah di atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi dan penglibatan yang bersungguh-sungguh. Saya percaya Syarikat anda banyak beroleh manfaat daripada pandangan dan panduan mereka.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada para Pengedar Amway di atas kesetiaan, ketabahan dan dedikasi mereka yang berterusan kepada perniagaan Amway. Hanya Pengedar Amway yang dapat memberi gambaran yang lebih kukuh mengenai keazaman yang tulen dan semangat keusahawanan yang jitu. Terima kasih sekalung budi juga saya tujukan kepada pihak pengurusan dan kakitangan di atas usaha mereka untuk mencapai kecemerlangan yang menghasilkan satu lagi tahun dengan pencapaian yang menakjubkan.

Tidak lupa juga terima kasih Lembaga kepada pihak berkuasa kerajaan kerana menyokong industri jualan langsung dan rakan niaga serta pemegang saham kami di atas sokongan dan keyakinan mereka.

#### TAN SRI DATUK AHMAD FAROUK

*Pengerusi*